

13 MAY 2000

UMNO: USUL AGAMA EMPAT PERKARA DILULUS

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Perhimpunan Agung Umno, yang masuk hari terakhir hari ini, pagi ini meluluskan usul agama empat perkara.

Usul itu diluluskan pada 10.20 pagi sebelum mesyuarat ditangguhkan oleh pengerusi tetap Tan Sri Sulaiman Ninam Shah untuk rehat.

Keempat-empat usul itu ialah:

+ Mendokong usaha-usaha kerajaan bagi menjadikan Malaysia sebagai negara contoh dalam pembangunan umat dan syiar Islam, yang maju dan progresif dengan memenuhi tuntutan fardu ain dan fardu kifayah.

+ Memantapkan lagi kefahaman dan kepercayaan penghayatan Islam di pelbagai peringkat dalam masyarakat serta memperbanyakkan program keagamaan ke arah mengembangkan pemikiran Islam yang progresif, dinamik dan matang.

+ Memperteguhkan kerjasama di antara ulama dan umarak bagi menggerakkan proses pembaharuan pemikiran di kalangan umat Islam berasaskan ajaran Islam yang sebenar untuk membendung gejala ketaksuban, melampau dan mundur.

+ Mendesak kerajaan mengambil langkah-langkah tegas dan berkesan untuk membendung dan mengekang kegiatan golongan radikal dan pendokong budaya negatif yang memperalatkan Islam demi memelihara kesucian akidah Islam, keutuhan masyarakat dan keselamatan negara.

Mesyuarat akan disambung pada pukul 11 pagi untuk pembentangan dan perbahasan usul ekonomi, sebelum ditangguhkan pada pukul 1 tengah hari untuk rehat.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan beberapa anggota Majlis Tertinggi akan menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan sepanjang mesyuarat tiga hari itu mulai 2.30 petang.

-- BERNAMA

afy mai